



GARIS PANDUAN

**LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN
PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Pengenalan	1
2. Tujuan Garis Panduan	1
3. Aktiviti, kategori & jenis penerimaan hasil pempengaruh	1
3.1 Aktiviti pempengaruh	1
3.2 Kategori pempengaruh	2
3.2.1 Pempengaruh individu	2
3.2.2 Pempengaruh berasaskan objek	2
3.3 Jenis penerimaan hasil pempengaruh	3
3.3.1 Bayaran langsung daripada platform media sosial	3
3.3.2 Bayaran sebagai duta produk di media sosial	3
3.3.3 Jualan barangan	4
3.3.4 Jualan akaun/ID pempengaruh di platform media sosial	4
3.3.5 Royalti atas watak di media sosial	4
3.3.6 Lain-lain penerimaan hasil	5
4. Skop pengenaan cukai	6
5. Layanan percukaian bagi pendapatan diterima	8
5.1 Pempengaruh individu	8
5.2 Pempengaruh berasaskan objek	10
6. Perbelanjaan yang dibenarkan	12
6.1 Pemakaian peruntukan Seksyen 33 dan 39 ACP	12
6.2 Pemakaian peruntukan Jadual 3 ACP	13
7. Tanggungjawab cukai	13
7.1 Ansuran cukai di bawah Seksyen 107B ACP	13
7.2 Asas anggaran dan prosedur bayaran CP500	13
7.3 Penyimpanan rekod	14
8. Penafian	14

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pempengaruh media sosial atau digital (social media influencer) ialah individu yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi orang lain di media sosial atau dalam bidang digital menerusi kuasa, ilmu pengetahuan, kedudukan atau hubungannya dengan pengguna.
- 1.2 Pempengaruh media sosial bukan sahaja individu yang boleh mempengaruhi orang lain dan mempunyai ramai pengikut, malah individu ini juga mampu menjana pendapatan yang lumayan melalui aktiviti sebagai pempengaruh di media sosial dan digital.
- 1.3 Pempengaruh media sosial wajar diiktiraf sebagai satu kerjaya kerana ia mampu menjana pendapatan yang terbit dan diterima daripada platform media sosial atau daripada aktiviti pemasaran hasil daripada pengaruh mereka di media sosial.

2. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh pempengaruh media sosial atau digital.

3. AKTIVITI, KATEGORI & JENIS PENERIMAAN HASIL PEMPENGARUH

3.1 Aktiviti pempengaruh

Seseorang individu dianggap melakukan aktiviti sebagai pempengaruh di media sosial sekiranya sebagai contoh melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) menghasilkan (merekod, menerbitkan, memuat naik atau memaparkan) kandungan secara audio, video atau penulisan di media sosial;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) muncul dalam sebarang aktiviti, program atau acara di media social;
- (c) terlibat bagi sebarang tujuan pengiklanan atau promosi di media social; atau
- (d) menerima bayaran, hadiah atau sebarang manfaat daripada mana-mana pihak disebabkan keterlibatan di media sosial.

3.2 Kategori pempengaruh

Pempengaruh media sosial boleh diklasifikasikan kepada dua (2) kategori, iaitu;

3.2.1 Pempengaruh individu

Pempengaruh individu merupakan mana-mana individu yang menjadi pempengaruh di media sosial dan terdiri daripada pelbagai latar belakang. Contoh pempengaruh individu ialah ahli politik, artis, ahli sukan, agamawan, golongan profesional, pelajar mahu pun suri rumah.

Pempengaruh individu juga termasuk pempengaruh pencipta kandungan yang mencipta kandungan (*content creator*) dengan niat memberi tontonan kepada umum bagi menjalin dan membina kepercayaan serta sebagai asas pengenalan hubungan yang baik bersama penonton dalam talian.

3.2.2 Pempengaruh berasaskan objek

Pempengaruh berasaskan objek pula boleh terdiri daripada sebarang objek seperti watak animasi, watak lakonan atau watak yang dicipta dan didaftarkan di mana-mana platform media sosial dan mempunyai pengikut.

Contoh pempengaruh berasaskan objek adalah watak Upin & Ipin dan Boboiboy yang mempunyai akaun sendiri di platform media sosial yang dikendalikan oleh individu atau syarikat yang memiliki hak penerbitannya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3.3 Jenis penerimaan hasil pempengaruh

Jenis penerimaan hasil yang diperoleh oleh pempengaruh media sosial termasuk yang berikut:

3.3.1 Bayaran langsung daripada platform media sosial

Bayaran langsung yang diterima daripada platform media sosial termasuk:

- (a) bayaran daripada setiap klik yang ditekan atau disukai (like) oleh pelawat atau pengikut;
- (b) bayaran daripada setiap bilangan pengikut akaun pempengaruh;
- (c) bayaran berdasarkan bilangan tontonan video pempengaruh;
- (d) bayaran daripada setiap video, status atau komen yang dimuat naik ke akaun pempengaruh di platform berkenaan;
- (e) bayaran bagi iklan yang dipaparkan di akaun pempengaruh di platform media sosial sama ada yang dibayar oleh syarikat pengeluar produk, syarikat pengiklanan atau pengendali platform;
- (f) bayaran yang diterima daripada platform atas komisen hasil yuran langganan pengikut di platform media sosial; atau
- (g) lain-lain bayaran tunai atau bukan tunai yang terhasil daripada aktiviti pempengaruh di dalam atau di luar talian.

3.3.2 Bayaran sebagai duta produk di media sosial

Bayaran yang diterima secara langsung daripada syarikat atas perkhidmatan yang diberikan oleh pempengaruh bagi mempromosikan dan mengiklankan barangan atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut. Pempengaruh kebiasaannya akan dilantik sebagai duta produk (product ambassador) bagi produk yang dikeluarkan oleh syarikat atau diminta untuk memberi ulasan berbayar (paid review) terhadap produk syarikat. Bayaran kepada pempengaruh atas lantikan sebagai duta produk atau memberi semakan berbayar boleh diterima sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai. Contoh bayaran yang diterima dalam bentuk bukan tunai adalah seperti barangan atau produk keluaran syarikat, perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat, kemudahan atau manfaat, baucar atau diskaun atas jualan.

3.3.3 Jualan barangan

Pempengaruh juga memperoleh pendapatan daripada jualan barangan jenama sendiri atau melalui perkhidmatan yang diberikan di media sosial. Barangan jenama sendiri bukan sahaja barangan fizikal malah termasuk barangan digital seperti e-buku, e-lagu, e-poster dan sesi pembelajaran atau latihan yang dijual atau diberikan secara dalam talian.

3.3.4 Jualan akaun/ID pempengaruh di platform media sosial

Bayaran yang diterima daripada penjualan akaun/ID pempengaruh kepada lain-lain individu melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya. Kebiasaannya pempengaruh yang menjual akaun/ID adalah pempengaruh yang mempunyai bilangan pengikut yang ramai di platform media sosial.

3.3.5 Royalti atas watak di media sosial

Bayaran royalti yang diterima oleh pempengaruh daripada individu, organisasi atau syarikat yang menggunakan imej, watak atau gambar pempengaruh tersebut dengan sesuatu objek. Sebagai contoh, syarikat taman tema air akan membayar royalti kepada syarikat pemilik watak pempengaruh Upin & Ipin kerana menggunakan gambar Upin & Ipin dalam poster promosi pengiklanan taman tema air bernaam.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3.3.6 Lain-lain penerimaan hasil

Penerimaan hasil lain yang diterima oleh pempengaruh media sosial adalah termasuk:

- (a) bayaran yang diterima atas perkongsian pengalaman dalam bidang kepakaran seperti program latihan, seminar, taklimat, bual bicara (talk show), audio siar (podcast) dan konvensyen;
- (b) bayaran yang diterima sebagai jurulatih (trainer), pengurus atau fasilitator;
- (c) bayaran yang diterima sebagai juri atau peserta sesuatu pertandingan atau rancangan hiburan; atau
- (d) bayaran yang diterima daripada pihak penganjur atas kehadiran pempengaruh ke sesuatu majlis atau acara seperti majlis perasmian pembukaan cawangan perniagaan, majlis perkahwinan, sambutan festival atau pertunjukan fesyen.

Pempengaruh boleh menerima bayaran dalam pelbagai kaedah seperti fi pengurusan, yuran bakat (talent), yuran peserta, bayaran konsultan dan lain-lain. Bayaran ini boleh diterima dalam bentuk bayaran tunai, pemberian barangan, baucar diskaun, perkhidmatan percuma, tanda suka (emoji) dan hadiah (gift) atau penghargaan di media sosial yang mempunyai nilai wang.

Contoh 1

Izani Sharif adalah seorang pakar perunding pelaburan yang mempunyai firma pelaburan sendiri iaitu IMS Investment Sdn. Bhd. Syarikat tersebut memperolehi lesen daripada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan pelaburan dalam urusan jual beli saham di Bursa Malaysia bagi pihak pelanggan.

Izani Sharif telah melancarkan akaun Facebook dan YouTube serta memuat naik video mengenai teknik pelaburan di platform media sosial

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

berkenaan. Beliau mempunyai pengikut (followers) seramai 2.3 juta orang.

Dalam tahun 2024, Izani Sharif menerima pembayaran sebanyak RM600,000 daripada pihak pengurusan platform YouTube. Izani Sharif juga kerap menerima jemputan untuk menyampaikan ceramah dalam seminar secara dalam talian berkaitan teknik pelaburan saham di platform Facebook yang berbayar. Dalam tahun 2023, beliau menerima sebanyak RM90,000 daripada pengendali kedua-dua platform sebagai bayaran penceramah dan RM30,000 daripada pihak penganjur hasil perkongsian keuntungan yuran peserta.

Selain daripada itu, Izani Sharif juga menerima gaji dan komisen daripada IMS Investment Sdn Bhd sebanyak RM350,000 bagi tahun 2024.

Berikut adalah pendapatan yang perlu dilaporkan oleh Izani Sharif bagi tahun taksiran (TT) 2024:

Jenis Penerimaan	Pendapatan	Kelas Pendapatan	Amaun (RM)
Bayaran daripada platform media sosial (YouTube)	Pempengaruh	Perenggan 4(a)	600,000
Bayaran Penceramah	Pempengaruh	Perenggan 4(a)	90,000
Perkongsian keuntungan daripada yuran peserta	Pempengaruh	Perenggan 4(a)	30,000
Gaji & Komisen (IMS Investment Sdn Bhd)	Penggajian	Perenggan 4(b)	350,000

4. SKOP PENGENAAN CUKAI

- 4.1 Cukai pendapatan hendaklah dikenakan bagi setiap TT atas pendapatan mana-mana orang yang terakru dalam atau terbit dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia. Pendapatan yang diterima oleh pempengaruh yang bermastautin di Malaysia adalah suatu pendapatan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

perniagaan yang terbit atau dianggap terbit dari Malaysia kerana operasi atau aktiviti yang dilakukan dijalankan di Malaysia.

- 4.2 Pempengaruh juga boleh menerima pendapatan dari dalam dan luar Malaysia. Pendapatan yang diterima daripada pengendali laman media sosial yang berpangkalan di luar Malaysia seperti Google AdSense dan Instagram merupakan pendapatan yang dianggap terbit dan terakru di Malaysia. Oleh yang demikian, pendapatan yang diterima oleh seorang pempengaruh, walaupun daripada pengendali platform di luar Malaysia layak dikenakan cukai di Malaysia kerana aktiviti sebagai pempengaruh dilaksanakan di Malaysia.

Contoh 2

Shikin Amin adalah seorang pelakon dan pemastautin di Malaysia yang mempunyai hobi melancong dan melawat tempat-tempat menarik di seluruh dunia. Setiap kali beliau melancong, Shikin Amin akan memuat naik status berkaitan tempat pelancongan yang dilawatinya dalam akaun Facebook miliknya.

Dalam tahun 2024, Shikin Amin telah membuka akaun peribadinya di laman YouTube dan seterusnya memuat naik video berkaitan tempat pelancongan yang dilawatinya di seluruh Malaysia. Video-video yang dimuat naik ditonton oleh 3.5 juta pengguna laman YouTube. Dalam tahun yang sama, Shikin Amin telah menerima anugerah “Top 5 Malaysia YouTuber Award” daripada Google AdSense Singapore di bawah Program Money Tization dan menerima wang tunai berjumlah RM220,000 untuk bayaran atas tontonan videonya di laman YouTube.

Penerimaan sebanyak RM220,000 daripada Google AdSense Singapore adalah pendapatan perniagaan yang layak dikenakan cukai di Malaysia dalam tahun 2024 kerana pendapatan berkenaan terbit atau dianggap terbit dari Malaysia.

- 4.3 Pendapatan yang diterima oleh pempengaruh berhubung aktiviti yang dijalankan di luar Malaysia merupakan pendapatan yang bersamaan dengan menjalankan profesinya di Malaysia yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP tanpa mengambil kira sama ada bayaran diterima di luar Malaysia atau di dalam Malaysia.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 3

Ashiya Mizumi adalah seorang usahawan fesyen dan pempengaruh di Malaysia. Beliau telah menerima tawaran daripada Destiny Fashion Limited (DFL), sebuah syarikat pengeluar pakaian dari Singapura untuk membuat video pemasaran bagi mempromosikan produk keluaran syarikat. Penggambaran video pemasaran dijalankan selama 3 hari di sebuah studio di Bedok Road, Singapura.

Mengikut tawaran daripada DFL, Ashiya Mizumi dikehendaki untuk mengeluarkan sebanyak 10 video pemasaran dan memuat naik video berkenaan ke akaun Instagram miliknya. Beliau telah menerima bayaran sebanyak RM250,000 daripada DFL atas tugas yang dijalankan di Singapura dan amaun tersebut telah dikreditkan ke akaun CIMB Bank miliknya di Malaysia.

Bayaran yang diterima oleh Ashiya Mizumi berjumlah RM250,000 atas perkhidmatannya mempromosikan produk DFL melalui 10 video pemasaran yang dimuat naik ke akaun Instagram miliknya merupakan pendapatannya sebagai pempengaruh yang terbit dari Malaysia. Walaupun aktiviti sebagai pempengaruh seperti menjalani penggambaran video dan memuat naik status kempen jualan produk dilakukan di luar Malaysia, namun aktiviti tersebut adalah berkaitan dengan profesion atau kerjaya beliau sebagai pempengaruh di Malaysia.

5. LAYANAN PERCUKAIAN BAGI PENDAPATAN DITERIMA

5.1 Pempengaruh individu

5.1.1 Pendapatan yang diterima oleh mana-mana pempengaruh individu daripada apa jua aktiviti yang dijalankan adalah pendapatan yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP kerana pendapatan tersebut adalah pendapatan daripada menjalankan suatu profesion.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 4

Alif Akmal ialah seorang pemain badminton di Malaysia yang mempunyai kontrak perkhidmatan (contract for service) sebagai atlet sukan di bawah Persatuan Badminton Malaysia dan Majlis Sukan Negara. Beliau menerima bayaran atlet sukan daripada Persatuan Badminton Malaysia sebanyak RM120,000 dan RM60,000 daripada Majlis Sukan Negara dalam tahun 2024.

Alif Akmal memiliki akaun media sosial seperti Facebook, Instagram dan YouTube serta mempunyai hampir 3 juta pengikut yang mengikuti perkembangan beliau di laman sosial. Oleh kerana Alif Akmal mempunyai pengaruh yang besar di media sosial, Yommex Sdn. Bhd., sebuah syarikat peralatan sukan telah menggunakan khidmat beliau untuk mempromosikan produk syarikat di laman sosial. Alif Akmal menerima bayaran sebanyak RM220,000 daripada Yommex Sdn. Bhd. dalam tahun 2024 atas aktiviti pemasaran yang dijalankan dalam memasarkan produk Yonex.

Dalam tahun 2024 juga, Alif Akmal menerima bayaran penajaan sebanyak RM400,000 daripada CIMB Bank dan RM350,000 daripada *YouTube* dan *Facebook* atas perkhidmatan yang diberikan.

Pendapatan Alif Akmal bagi TT 2024 adalah seperti berikut:

Jenis Penerimaan	Pendapatan	Kelas Pendapatan	Amaun (RM)
Bayaran atlet sukan daripada Persatuan Badminton Malaysia	Pemain Badminton	Perenggan 4(a)	120,000
Bayaran atlet sukan daripada Majlis Sukan Negara	Pemain Badminton	Perenggan 4(a)	60,000
Bayaran penajaan daripada CIMB	Pemain Badminton	Perenggan 4(a)	400,000
Bayaran daripada platform media sosial	Pempengaruh	Perenggan 4(a)	350,000
Bayaran daripada Yommex Sdn. Bhd.	Pempengaruh	Perenggan 4(a)	220,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 5.1.2 Pempengaruh media sosial boleh menerima bayaran daripada syarikat pemasaran atas perkhidmatan mempromosikan sesuatu produk, jenama atau perniagaan. Bayaran boleh diterima sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai. Bayaran dalam bentuk bukan tunai adalah seperti barangan atau produk keluaran syarikat, perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat, kemudahan atau manfaat, baucar atau diskaun atas jualan, hadiah dan sampel produk. Penerimaan bayaran sama ada berbentuk tunai atau bukan tunai ini merupakan pendapatan yang boleh dikenakan cukai atas profesionnya sebagai pempengaruh dan wajib dilaporkan walaupun tiada sebarang kontrak perjanjian yang ditandatangani oleh pempengaruh.

5.2 Pempengaruh berasaskan objek

- 5.2.1 Pempengaruh berasaskan objek adalah pempengaruh yang terdiri daripada watak kartun, watak filem atau sesuatu logo atau lambang yang dicipta.
- 5.2.2 Pempengaruh berasaskan objek tidak mempunyai sebarang kaitan dengan individu sebenar di dunia nyata. Objek berkenaan boleh merangkumi karikatur, animasi, watak kartun, watak dalam filem atau drama, logo, lambang atau nama sesebuah organisasi atau syarikat yang tiada bersangkutan dengan mana-mana individu sebenar.
- 5.2.3 Pemilik objek pempengaruh tersebut membuka akaun atas nama objek di platform media sosial. Pendapatan yang diterima oleh pempengaruh berasaskan objek merupakan pendapatan yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP ke atas pemilik akaun objek berkenaan di platform media sosial.
- 5.2.4 Antara contoh pempengaruh yang didaftarkan sebagai pempengaruh berasaskan objek ialah:
- (a) Watak animasi Upin dan Ipin atau Che Yah Official
 - (b) Logo & jenama syarikat seperti TV3
 - (c) Watak lakonan Encik Barkobat dalam filem

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 5

Kartun 'Cute Baby' merupakan salah satu watak utama dalam filem animasi bertajuk 'Little Baby and Jane' yang diterbitkan oleh Persona Dream Pictures Sdn Bhd. Watak kartun 'Cute Baby' telah didaftarkan dalam akaun di platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Tik Tok dan Instagram oleh Persona Dream Pictures Sdn Bhd yang juga memegang hak cipta kartun berkenaan. Akaun watak kartun 'Cute Baby' mempunyai seramai 1.2 juta pengikut di Facebook. Dalam tahun 2023 Persona Dream Pictures Sdn Bhd telah menerima sebanyak RM330,000 daripada platform media sosial berkenaan bagi bayaran diterima atas tontonan klip video watak kartun 'Cute Baby' oleh peminat dan pengikut.

Watak kartun 'Cute Baby' ini merupakan salah satu contoh pempengaruh berasaskan objek yang mempunyai pengikut dan menjana pendapatan di media sosial. Penerimaan berjumlah RM330,000 daripada platform media sosial merupakan pendapatan daripada aktiviti pempengaruh yang boleh dikenakan cukai ke atas Persona Dream Pictures Sdn Bhd di bawah perenggan 4(a) ACP.

5.2.5 Sekiranya pemegang hak cipta adalah entiti berbeza dengan pemilik akaun laman sosial pempengaruh berasaskan objek, salah satu entiti yang menerima mana-mana pendapatan layak dikenakan cukai di bawah ACP. Penerima pendapatan yang bermastautin di Malaysia yang melakukan aktiviti sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia dan menerima pendapatan dari sumber Malaysia atau dari sumber luar Malaysia layak dikenakan cukai di bawah ACP. Penerima pendapatan yang tidak bermastautin di Malaysia tetapi melakukan aktiviti di Malaysia dan mempunyai suatu tempat perniagaan tetap (permanent establishment) di Malaysia, layak dikenakan cukai atas pendapatan yang diterima di Malaysia.

6. PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

6.1 Pemakaian peruntukan Seksyen 33 dan 39 ACP

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 6.1.1 Pempengaruh media sosial layak menuntut perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP dalam mengira pendapatan larasan pempengaruh.
- 6.1.2 Walau bagaimanapun, pempengaruh media sosial tidak layak menuntut perbelanjaan persendirian atau perbelanjaan berbentuk modal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39 ACP.
- 6.1.3 Perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP daripada aktiviti sebagai pempengaruh di media sosial termasuk:
 - (a) kos dan yuran capaian internet;
 - (b) kos berkaitan penerbitan sesuatu bahan atau video bagi tujuan dimuat naik seperti kos penggambaran dan tujuan penyuntingan; atau
 - (c) lain-lain perbelanjaan yang dilakukan sepenuhnya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar.

6.2 Pemakaian peruntukan Jadual 3 ACP

Pempengaruh media sosial layak menuntut elaun modal di bawah Jadual 3 ACP atas perbelanjaan modal yang dilakukannya dalam menjalankan aktiviti sebagai pempengaruh jika memenuhi syarat-syarat sepertimana dinyatakan di dalam Jadual tersebut.

7. TANGGUNGJAWAB CUKAI

7.1 Ansuran cukai di bawah Seksyen 107B ACP

Notis Bayaran Ansuran (CP500) dikeluarkan di bawah peruntukan subseksyen 107B(1) ACP. Di bawah peruntukan tersebut, pembayar cukai individu dan selain syarikat yang memperoleh pendapatan tidak termasuk pendapatan daripada penggajian, dikehendaki membuat bayaran ansuran anggaran cukai pada tarikh kena dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

7.2 Asas anggaran dan prosedur bayaran CP500

- 7.2.1 Jumlah anggaran cukai di bawah Notis Bayaran Ansuran (CP500) adalah berasaskan kepada amaun cukai kena dibayar bagi TT sebelum sesuatu TT itu.
- 7.2.2 Bagi pembayar cukai yang mempunyai sumber pendapatan penggajian dan sumber pendapatan lain, anggaran cukai tidak mengambil kira cukai yang berkaitan dengan sumber pendapatan penggajian kerana penggajian adalah tertakluk kepada Potongan Cukai Berjadual (PCB).
- 7.2.3 Tarikh kena bayar bagi ansuran anggaran cukai akan ditetapkan seperti di dalam Notis Bayaran Ansuran (CP500). Pembayar cukai diberi tempoh 30 hari dari tarikh kena bayar bagi menjelaskan bayaran ansuran yang telah ditetapkan.

7.3 Penyimpanan rekod

- 7.3.1 Pempengaruh media sosial hendaklah menyimpan rekod penerimaan pendapatan dan dokumen sokongan berkaitan segala pendapatan dan perbelanjaan bagi tujuan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 7.3.2 Rekod dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang nyata cukai pendapatan dikemukakan kepada KPHDN.

8. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

14 JANUARI 2026

s.k. LHDN.01/35/(S)/4

